

Dana BNM untuk PKS : **Kemudahan Permodalan Semula Perniagaan**

Kemudahan Permodalan Semula Perniagaan BNM menyediakan pembiayaan bagi mengawal kadar keberhutangan untuk PKS yang ingin mendapatkan perbelanjaan modal.

Saiz pembiayaan setiap PKS

Sehingga RM5 juta

Kadar pembiayaan kepada PKS

Kadar efektif maksimum **5.0% setahun** termasuk yuran jaminan, atau **3.5% setahun** tanpa fi jaminan; tiada had kadar keuntungan untuk pelaburan ekuiti

Tempoh pembiayaan

Sehingga **10 tahun**

Semua permohonan perlu dihantar terus kepada institusi kewangan peserta untuk mengurangkan risiko penipuan kewangan. Institusi kewangan peserta tidak menggunakan mana-mana ejen pihak ketiga bagi tujuan kemudahan ini.

Objektif	Menyokong PKS untuk pulih dan mengembangkan perniagaan serta mengawal tahap keberhutangan[1] mereka melalui penyelesaian pembiayaan yang lebih inovatif
Saiz kemudahan	RM1 bilion
Kriteria kelayakan	PKS Malaysia[2] termasuk perusahaan mikro yang berdaya maju daripada semua sektor ekonomi
Tujuan pembiayaan	Modal kerja dan/atau perbelanjaan modal
Tempoh pembiayaan	Sehingga 10 tahun
Saiz pembiayaan setiap PKS	Sehingga RM5 juta
Kadar pembiayaan kepada PKS	Kadar efektif maksimum adalah sehingga 5.0% setahun termasuk yuran jaminan, atau 3.5% setahun tanpa fi jaminan; tiada had kadar keuntungan untuk pelaburan ekuiti
Jenis pembiayaan	PKS boleh mendapatkan: • Pembiayaan ekuiti melalui terbitan saham keutamaan, saham biasa, atau instrumen ekuiti lain yang sesuai tertakluk kepada perbincangan lanjut dengan institusi kewangan peserta (IKP); atau • Gabungan antara pembiayaan hutang daripada Institusi Kewangan Peserta (IKP) dan pembiayaan ekuiti melalui pembiaya ekuiti pihak ketiga (kewangan campuran).
Tempoh permohonan	3 Februari 2022 sehingga peruntukan habis digunakan
Prosedur permohonan	Permohonan untuk pembiayaan ekuiti atau pembiayaan bercampur boleh dikemukakan kepada IKP dan kelulusan adalah tertakluk kepada penilaian kredit IKP dan/atau pelabur ekuiti pihak ketiga yang berkaitan

[1] Tahap keberhutangan ini merujuk penambahbaikan struktur modal PKS terutamanya PKS yang ingin membuat perbelanjaan modal bagi menghasilkan hutang kepada ekuiti *(debt to equity)* yang lebih terurus untuk PKS tersebut selepas menggunakan BRF.

[2] Sekurang-kurangnya 51% saham dipegang oleh rakyat Malaysia dan seperti yang ditakrifkan oleh Garis Panduan bagi Definisi PKS yang disediakan oleh SME Corp. Malaysia. Garis panduan ini boleh diakses melalui https://www.smecorp.gov.my/images/pdf/2020/ Garis_Panduan_DefinisiPKS_dikemaskini.pdf

Maklumat lanjut

Hubungi pusat khidmat pelanggan institusi kewangan peserta

Layari laman sesawang institusi kewangan peserta

bnm.gov.my/sme-financing

Inisiatif:

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Penyedia jaminan kredit:

CGC

SJPP